

**PROSEDUR-PROSEDUR DI
MAHKAMAH PERUSAHAAN**

oleh

**Y.A. Tuan Roslan bin Mat Nor
Pengerusi
Mahkamah Perusahaan Malaysia
Cawangan Johor Bahru**

pada

20 March 2012

di

**Auditorium BAR Menara TJB
Johor Bahru**

Pengenalan

1. Mahkamah Perusahaan telah wujud di negara ini seawal tahun 1940. Ia dapat dilihat melalui pengubalan *Industrial Court Ordinance, 1940 (Straits Settlement)* dan juga *Industrial Court Enactment, 1940 (Federal Malay States)*. Sementara itu di negeri Kedah, telah terdapat *Industrial Court Enactment, 1360*. Undang-undang tersebut menunjukkan bahawa sistem perundangan berkaitan dengan perhubungan perusahaan telah dilaksanakan di negara ini sejak sekian lama. Ia adalah berpaksikan kepada tiga elemen utama dalam perhubungan perusahaan iaitu pihak pekerja, pihak majikan dan pihak pemerintah. Hubungan tiga serangkai ini terus diamalkan sehinggalah kepada pengubalan Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 yang menggantikan *Industrial Courts Ordinance, 1948*. Oleh itu, adalah penting untuk para pengamal undang-undang dan pihak-pihak yang terlibat di dalam undang-undang perhubungan perusahaan memahami hakikat bahawa tiga elemen tersebut telah mendasari sistem perhubungan perusahaan di negara ini. Keterlibatan ketiga-tiga elemen tersebut adalah amat penting bagi mencapai matlamat pengubalan Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 iaitu untuk mewujudkan keharmonian perhubungan perusahaan di negara ini.

Adakah Mahkamah Perusahaan Merupakan Mahkamah Atau Tribunal?

2. Istilah Mahkamah Perusahaan telah mula digunakan di dalam perundangan terawal berkaitan dengan undang-undang perhubungan perusahaan misalnya di

dalam Seksyen 3(1), *Industrial Courts Ordinance, 1940 (Straits Settlement)* yang menyatakan seperti berikut :

“For the purpose of the settlement of trade disputes in manner provided by this Ordinance, there shall be a standing Industrial Court, consisting of persons to be appointed by the Governor of whom some shall be independent persons, some shall be persons representing employers, and some shall be persons representing workmen.”

3. Malahan perkara yang sama juga telah dinyatakan di bawah Seksyen 3(1) *Industrial Courts Enactment, 1940*, Seksyen 3(1) *State of Kedah Enactment No. 9* , 1360 dan di bawah Seksyen 3(1) *Industrial Courts Ordinance, 1948*. Jika diteliti kepada undang-undang yang terdahulu adalah jelas undang-undang dahulu menggunakan istilah Mahkamah Perusahaan sebagai tajuk undang-undang tersebut. Oleh itu, perkataan Mahkamah Perusahaan adalah bukan merupakan perkataan asing di dalam perhubungan perusahaan di negara ini.

4. Semasa rang undang-undang Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dikemukakan untuk bacaan kali kedua pada 22.06.1967, Y. B. Menteri Buruh ketika itu telah menyatakan bahawa tujuan undang-undang perhubungan perusahaan diperkenalkan ialah untuk menyambung sistem perhubungan perusahaan yang telah wujud sebelum ini dan kewujudan Mahkamah Perusahaan

telah dinyatakan di bawah Seksyen 21 Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Walaupun Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 tidak menggunakan perkataan Akta Mahkamah Perusahaan namun peruntukan berkenaan dengan Mahkamah Perusahaan masih terdapat di dalam undang-undang tersebut.

5. Secara perbandingannya di negara-negara lain, pihak berkuasa yang mengendalikan kes-kes perhubungan perusahaan juga menggunakan istilah mahkamah misalnya Mahkamah Pekerjaan di New Zealand. Namun begitu, bidang kuasa pekerjaan tersebut adalah lebih luas daripada Mahkamah Perusahaan di Malaysia. Selain itu, di United Kingdom pula badan yang mengendalikan kes perhubungan perusahaan dikenali sebagai Tribunal Pekerja. Di Australia pula, ia dikenali sebagai Fairwork Authority. Dalam konteks Malaysia, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan bahawa Mahkamah Perusahaan adalah sebuah tribunal yang ditubuhkan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Oleh itu, bidang kuasa mahkamah adalah terhad seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang tersebut. Ia telah dinyatakan di dalam kes *Federal Hotel Sdn. Bhd. v. National Union of Hotel, Bar & Restaurant Workers* [1983] 1 MLJ 175, *Alias bin Jubri & Ors v. Edaran Otomobil Nasional Bhd* [1996] 4 MLJ 250 (HC) dan *Lee Wah Ltd. v. National Union of Bank Employees* [1981] 1 MLJ 169.

6. Kekeliruan yang timbul sama ada Mahkamah Perusahaan adalah sebuah mahkamah atau tribunal telah acap kali menyebabkan para peguam yang berguam di Mahkamah Perusahaan terbawa-bawa dengan amalan pematuhan yang ketat

seperti prosedur di Mahkamah Sivil. Ia juga menyebabkan pihak-pihak mengemukakan bantahan berkenaan pengemukakan dokumen-dokumen sebagai ekshibit dan meminta mahkamah secara ketat mematuhi prinsip-prinsip yang dinyatakan di dalam Akta Keterangan 1950. Ini akan melewatkan proses perbicaraan di Mahkamah Perusahaan disebabkan pihak-pihak akan terlampau terikat dengan pematuhan yang ketat dalam undang-undang keterangan. Adalah jelas di bawah seksyen 30(5) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 telah menyatakan bahawa mahkamah tidak sewajarnya memberikan penekanan kepada aspek-aspek teknikal undang-undang dalam menurunkan award di akhir perbicaraan di Mahkamah Perusahaan. Adalah jelas bahawa hakikat Mahkamah Perusahaan sebuah tribunal adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan lagi. Ia disokong dengan fakta bahawa keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Perusahaan akan dikemukakan ke Mahkamah Tinggi dalam bentuk semakan kehakiman dan bukannya rayuan. Di samping itu, Mahkamah Perusahaan juga tidak ditakrifkan sebagai mahkamah di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948 dan Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Pada masa yang sama, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 tidak menyatakan keputusannya boleh dirayu seperti mana keputusan Mahkamah Buruh yang boleh dirayu seperti dinyatakan dalam Akta Kerja 1955.

Prosedur Dan Amalan Mahkamah Perusahaan

7. Secara umumnya, sumber kepada aturan dan amalan Mahkamah

Perusahaan :

- a) Kaedah-Kaedah Mahkamah Perusahaan 1967 (*Industrial Court Rules, 1967*)
- b) Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 1967 (*Industrial Relations Regulations, 1967*)
- c) Peraturan-Peraturan Mahkamah Perusahaan (Fee untuk Dokumen-Dokumen, 1971 (*Industrial Court Fees for Documents, 1971*))
- d) Arahan-Arahan Amalan dan pekeliling daripada Yang DiPertua Mahkamah Perusahaan.

8. Seksyen 62 Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 telah memberi kuasa kepada Y. B. Menteri Sumber Manusia untuk mengeluarkan peraturan-peraturan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Di samping itu, seksyen 28 Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 telah memberi kuasa kepada Yang DiPertua untuk mengawal selia prosedur dan prosiding. Seksyen 28 tersebut menyatakan seperti berikut :

28. Kuasa Presiden untuk mengawalselia prosedur dan prosiding.

Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di dalamnya secara nyata dan tertakluk kepada apa-apa peraturan yang boleh dibuat bagi maksud itu, Presiden boleh mengawalselia prosedur dan prosiding mahkamah sebagaimana yang difikirkannya patut dan, dengan kelulusan Menteri, boleh

membuat peraturan-peraturan yang mentadbir prosedur dan prosiding itu.

Bidang Kuasa Mahkamah Perusahaan

8. Secara umumnya, bidang kuasa Mahkamah Perusahaan boleh dikategorikan seperti berikut :

- a) rujukan ke Mahkamah Perusahaan bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen 4 (hak-hak pekerja dan majikan), seksyen 5 (larangan ke atas majikan dan kesatuan sekerja berkenaan dengan tindakan-tindakan tertentu), seksyen 7 (larangan ke atas pekerja dan kesatuan sekerja mereka berkenaan dengan tindakan-tindakan tertentu), Akta Perhubungan Perusahaan, 1967.
- b) representasi berkenaan dengan pembuangan kerja di bawah seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967.
- c) rujukan berkenaan dengan pertikaian perdagangan di bawah seksyen 26 Akta Perhubungan Perusahaan, 1967.
- d) memberi perakuan dan menyimpan perjanjian-perjanjian kolektif di bawah seksyen 16 Akta Perhubungan Perusahaan, 1967.

e) ketidakpatuhan kepada perjanjian kolektif dan award oleh pihak-pihak.

9. Lima bidang kuasa di atas adalah merupakan bidang kuasa asas yang dimiliki oleh Mahkamah Perusahaan. Apa yang jelas ialah semua bidang kuasa tersebut adalah berkaitan dengan perhubungan perusahaan. Selain daripada itu, semua bidang kuasa tersebut kecuali satu adalah berpunca daripada rujukan yang dikemukakan oleh Y. B. Menteri Sumber Manusia setelah berpuas hati terdapat alasan untuk ianya dirujuk ke Mahkamah Perusahaan. Dalam erti kata lain, tiada pemfailan terus oleh pihak di dalam kes mereka di dalam Mahkamah Perusahaan. Hatta, bagi bidang kuasa (e) sekali pun, ianya hanya boleh dilakukan setelah terdapat award atau perjanjian kolektif yang telah didaftarkan oleh Mahkamah Perusahaan.

Perwakilan Di Mahkamah Perusahaan

10. Pada asasnya, pihak-pihak yang hadir di Mahkamah Perusahaan sama ada majikan atau pekerja sewajarnya dilayan dengan hak yang sama rata semasa mengemukakan kes mereka di Mahkamah Perusahaan. Ini telah dinyatakan di bawah seksyen 27(1) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Di bawah seksyen 27(1) tersebut memberi kuasa kepada Yang DiPertua Mahkamah Perusahaan dan pengerusi untuk memberi kata putus sama ada wakil yang mewakili pihak-pihak di Mahkamah Perusahaan adalah termasuk di bawah seksyen 27(1) Akta

Perhubungan Perusahaan, 1967. Ini adalah matlamat asal pewujudan Mahkamah Perusahaan seperti yang dinyatakan dalam konteks ucapan Yang Berhormat Encik V. Manickavasagam semasa membentangkan Rang Undang-Undang, Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 pada 22.06.1967 yang dinyatakan di dalam Penyata Rasmi pada 22.06.1967, Jilid IV Nombor 7 di halaman 1536 boleh memberikan gambaran apakah tujuan penggubalan seksyen 27, Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Yang Berhormat V. Manickavasagam menyatakan seperti berikut :

“Clause 24 of the Bill enables official of Trade Union or Other organization approved by the Minister, or with the permission President, Legal Practitioner to appear before the court. It has been found necessary to permit Legal Practitioners to appear before the court as some parties to trade dispute before the court may be seriously handicapped and the interest of justice subverted if such representation is not permitted. It is realised however, that it may not be necessary to representation by legal practitioner in all cases and discretion is vested in the President of the court on the admission of such legal practitioners.”

11. Dalam erti kata lain, kehadiran wakil atau peguambela pihak-pihak adalah tertakluk kepada kebenaran daripada presiden atau pengerusi mahkamah yang mendengar kes tersebut. Secara umumnya, pihak-pihak yang boleh hadir di

Mahkamah Perusahaan adalah seperti berikut :

- a) kesatuan sekerja atau diwakilkan oleh seorang pegawai atau pekerja kesatuan sekerja;
- b) majikan atau wakilnya yang diberikan kuasa;
- c) pegawai atau pekerja kesatuan sekerja majikan-majikan (MEF);
- d) seorang pekerja yang hadir secara sendirian;
- e) wakil atau pegawai atau seorang pekerja kesatuan sekerja di mana pekerja tersebut menjadi ahli kesatuan sekerja;
- f) seorang peguam yang mewakili pekerja atau syarikat dengan kebenaran presiden atau pengerusi mahkamah; dan
- g) mana-mana pegawai dari mana-mana pertubuhan yang bukannya kesatuan sekerja atau persatuan majikan yang berdaftar di Malaysia.

12. Pihak menuntut atau pihak syarikat yang ingin di wakili oleh pengamal undang-undang perlu mengisi Borang A di bawah peraturan 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah Perusahaan. Borang A adalah seperti berikut :

Form A

(Rule 3)

IN THE INDUSTRIAL COURT

Section 27 of the Act

**APPLICATION FOR PERMISSION TO BE REPRESENTED
BY A LEGAL PRACTITIONER**

In the matter of Industrial Court Case No. of 19.....

Between

.....

and

.....

PART I

The President,
Industrial Court.

I/We

hereby apply for permission to be represented at the proceedings before the Court in this case by a legal practitioner.

My/Our reasons for the application are as follows:-

Dated this day of 19.....

.....
Signature of Applicant

Address:
.....
.....

PART II

I/We do not/hereby object to the application made herein for the following reasons.

Dated this day of 19

.....
Signature of Opposite Party

Address:
.....
.....

Legal Practitioners:

3(1) Any party seeking, under the provisions of Section 27 of the Act, the permission of the President to be represented at the proceedings before the Court by a legal practitioner shall make application in triplicate in Part I of Form A.

(2) The Registrar shall serve a copy of Form A on the opposite party.

(3) Such other party may signify in Part II of the Form objections, if any, to the application made in Part I. If the Form is not returned at the premises of the Court within five days of the date of service, no objections to the application made subsequent thereto will be entertained.

14. Sementara itu, pihak menuntut atau pihak syarikat sekiranya berhasrat ingin melantik peguam atau wakil di Mahkamah Perusahaan perlu mengisi waran bertindak seperti di Borang B seperti berikut :

Form B

(Rule 4)
IN THE INDUSTRIAL COURT
Section 27 of the Act
WARRANT OF AUTHORITY

In the matter of Industrial Court Case No. of 19
Between
.....
and
.....

I/We
hereby authorise
to represent me/us at the proceedings before the Court in this case.

He is * an official of the Trade Union
* an official of the organisation of employers/workmen duly registered in Malaysia.
* a legal practitioner appearing by permission of the President.

Dated this day of 19

.....
Signature of Person/Union authorising
Address:
.....
.....

Accepted:
.....
Signature of Representative
Address:
.....
.....

- Delete words not applicable

15. Oleh itu, adalah penting untuk para peguam atau wakil yang ingin berguam di Mahkamah Perusahaan terlebih dahulu melengkapkan Borang A dan Borang B sebelum mereka dibenarkan mewakili anak guam mereka di mahkamah. Apa yang lebih menarik jika diteliti di Borang A terdapat ruang yang menghendaki peguam atau wakil pihak menuntut dan pihak syarikat memberikan alasan mengapakah mereka perlu mewakili anak guam masing-masing. Alasan yang diberikan itu boleh menentukan sama ada pihak menuntut boleh dibenarkan untuk diwakili oleh pengamal undang-undang atau sebaliknya. Pada amalnya, mahkamah tidak akan dengan sewenang-wenangnya menolak permohonan pihak menuntut untuk diwakili oleh peguam semasa perbicaraan di Mahkamah Perusahaan walaupun kadang kala alasan yang diberikan adalah melibatkan isu undang-undang yang kompleks sedangkan sebenarnya isu yang dibangkitkan itu isu undang-undang yang biasa serta tidak memerlukan perkhidmatan perwakilan peguam. Namun begitu, mahkamah tidaklah terlalu ketat dalam membenarkan permohonan peguam untuk mewakili pihak menuntut di Mahkamah Perusahaan. Walau bagaimanapun adalah wajar alasan yang diberikan di dalam Borang A itu lebih jelas dan komprehensif bagi membolehkan pengerusi meneliti dengan jelas apakah sebenarnya alasan pihak menuntut memerlukan perkhidmatan peguam di dalam perbicaraan Mahkamah Perusahaan. Sekiranya tiada Borang A dan Borang B difailkan, peguam boleh tidak dibenarkan untuk berguam di mahkamah.

Pernyataan Kes Dan Pernyataan Jawapan

16. Setelah rujukan Y. B. Menteri Sumber Manusia dikemukakan kepada mahkamah, pendaftar akan menetapkan tarikh dan tempat untuk kes tersebut disebut di hadapan Yang DiPertua atau pengerusi dengan mengemukakan Borang F, seperti di dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Perusahaan bersama-sama Borang H untuk Pihak Menuntut memfailkan pernyataan kes.

17. Dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penyerahan notis dalam borang H tersebut, pihak menuntut adalah dikehendaki memfailkan pernyataan kes. Tempoh tujuh hari tersebut boleh dilanjutkan sekiranya pengerusi fikirkan ianya sesuai dilanjutkan. Adalah wajar pihak menuntut atau wakilnya mengetahui apakah yang perlu dimasukkan ke dalam pernyataan kes. Ini telah dinyatakan di bawah peraturan 9(3), Kaedah-Kaedah Mahkamah Perusahaan 1967 seperti berikut :

Such Statement of Case shall be confined to the issues which are included in the Case referred to the Court by the Minister or in the matter required to be determined by the Court under the provisions of the Act and shall contain—

(a) a statement of all relevant facts and arguments;

(b) particulars of decisions prayed for;

(c) an endorsement of the name of the first party and of his address

for service; and

(d) as an appendix or attachment, a bundle of all relevant documents relating to the case.

Sekiranya pihak menuntut memfailkan pernyataan kes, Pendaftar akan mengeluarkan Borang J untuk pihak syarikat memfailkan pernyataan jawapan. Sekiranya pihak-pihak gagal memfailkan pernyataan kes dan pernyataan jawapan, Pendaftar akan mengeluarkan Borang G untuk menetapkan tarikh perbicaraan.

18. Apa yang jelas daripada peraturan tersebut ialah pernyataan kes hendaklah menyatakan dengan jelas fakta-fakta dan tidak memasukkan keterangan di dalam pernyataan kes tersebut. Namun demikian, seperkara yang perlu diberi perhatian ialah berkenaan peruntukan di bawah seksyen 29(d), Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang menyatakan bahawa ketiadaan pernyataan bertulis daripada pihak menuntut atau pihak syarikat tidak akan menghalang mahkamah daripada meneruskan perbicaraan. Seksyen 29(d), Akta Perhubungan Perusahaan 1967 menyatakan seperti berikut :

29. Power of the Court.

The Court may, in any proceedings before it -

(d) hear and determine the matter before it notwithstanding the

failure of any party to submit any written statement whether of case or reply to the Court within such time as may be prescribed by the President or in the absence of any party to the dispute who has been served with a notice or summons to appear.”

19. Setelah mahkamah menerima pernyataan kes pihak menuntut dan jika mendapati pernyataan kes tersebut tidak mematuhi peraturan 9(3), Akta Perhubungan Perusahaan 1967, mahkamah boleh mengembalikan semula pernyataan kes tersebut dan meminta dikemukakan pernyataan kes yang baharu dengan menggunakan notis di Borang I. Apabila mahkamah telah menerima pernyataan kes daripada pihak menuntut, maka pendaftar akan mengemukakan Borang J kepada pihak syarikat untuk mengemukakan pernyataan jawapan dalam tempoh yang ditetapkan sebanyak enam salinan. Sekiranya mahkamah mendapati bahawa pernyataan jawapan tersebut tidak mematuhi peraturan 10(3), Akta Perhubungan Perusahaan 1967, mahkamah boleh meminta pernyataan jawapan yang baharu dengan mengemukakan Borang K. Setelah pernyataan jawapan yang lengkap diterima, Mahkamah akan menyerahkan pernyataan jawapan tersebut kepada pihak menuntut.

Rejoinder (Jawapan Kepada Pernyataan Jawapan)

20. Peruntukan 11 Kaedah-Kaedah Mahkamah Perusahaan 1967 memberikan kuasa kepada Yang DiPertua Mahkamah atau Pengerusi untuk Pihak Menuntut memfailkan borang rejoinder (jawapan kepada pernyataan jawapan) dalam tempoh

tujuh hari selepas pernyataan jawapan daripada Pihak Responden.

Apa yang menarik amalan Mahkamah Perusahaan, pihak menuntut hanya perlu memfailkan jawapan kepada pernyataan jawapan tanpa sebarang permohonan rasmi dibuat di mahkamah walaupun peraturan 11, Kaedah-Kaedah Mahkamah Perusahaan 1967 menyatakan bahawa rejoinder hanya boleh difailkan atas arahan mahkamah. Ini seolah-olah menunjukkan bahawa pihak menuntut mempunyai hak secara automatik untuk memfailkan rejoinder sedangkan Pihak Responden tidak boleh lagi menjawab rejoinder yang difailkan oleh pihak menuntut.

Joinder (Penyatuan dan Penggantian)

21. Jika diteliti di bawah seksyen 29(a) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 memperuntukkan bahawa mahkamah mempunyai kuasa untuk menyatukan pihak-pihak dalam prosiding, menggantikan atau membatalkan mana-mana pihak daripada prosiding. Tatacara permohonan untuk penggantian dan pencantuman perlulah dibuat mengikut Nota Amalan No. 1 tahun 2011 pada 16.12.2011 seperti berikut :

MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA
NOTA AMALAN NO: 1 TAHUN 2011
PERMOHONAN UNTUK PERCANTUMAN ATAU
PENGGANTIAN PIHAK-PIHAK

Dengan kuasa yang dibenarkan di bawah Seksyen 28 Akta Perhubungan Perusahaan 1967, saya dengan ini mengeluarkan arahan-arahan berikut :

- 1) Permohonan untuk mencantum atau mengganti pihak-pihak menurut Seksyen 29 (a) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 perlu dibuat melalui Notis Permohonan. Format Notis Permohonan adalah seperti Lampiran.
- 2) Pemohon perlu menyatakan asas alasan permohonan di dalam Notis Permohonan.
- 3) Nama dan alamat pihak yang ingin dicantumkan atau digantikan perlu dinyatakan di dalam Notis Permohonan.
- 4) Afidavit sokongan perlu difailkan bersama-sama dengan Notis Permohonan.
- 5) Notis Permohonan dan Afidavit sokongan perlu diserahkan kepada pihak responden dan juga pihak yang ingin dicantumkan atau digantikan.
- 6) Mahkamah perlu menurunkan Award Interim setelah mendengar permohonan percantuman atau penggantian pihak-pihak.
- 7) Perenggan 12 dan 13 Peraturan-Peraturan Mahkamah Perusahaan 1967 adalah digunapakai sewajarnya.

Bertarikh : 16 DISEMBER 2011

t.t

SUSILA SITHAMPARAM
YANG DIPERTUA
MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA

Selain daripada itu sekiranya pihak menuntut atau pihak syarikat ingin membuat pindaan kepada pliding (pernyataan kes dan pernyataan jawapan) permohonan hendaklah mengikut Nota Amalan No. 2 tahun 2010 bertarikh 15.03.2010:

**MAHKAMAH PERUSAHAAN
NOTA AMALAN NO: 2 TAHUN 2010
PERMOHONAN UNTUK MEMINDA PLIDING**

Dengan kuasa yang dibenarkan di bawah seksyen 28 Akta Perhubungan Perusahaan 1967, dengan ini saya mengeluarkan arahan-arahan yang berikut :

- 1) Permohonan untuk meminda pliding menurut seksyen 29(g) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 boleh dibuat melalui surat (selepas ini dirujuk sebagai “surat berkenaan”).
- 2) Cadangan pernyataan kes yang dipinda, pernyataan jawapan yang dipinda atau “rejoinder” yang dipinda hendaklah didalam dakwat merah dan dilampirkan bersama dengan surat berkenaan.
- 3) Pemohon perlu menyatakan alasan-alasan permohonannya dalam surat berkenaan.
- 4) Pihak Responden boleh melalui surat menyatakan asas bantahan terhadap permohonan oleh pemohon.

Bertarikh : 15 Mac 2010
SUSILA SITHAMPARAM
YANG DIPERTUA
MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA

Proses Menghidupkan Semula Kes

22. Mahkamah juga boleh menghidupkan semula mana-mana kes yang telah

dibatalkan oleh Mahkamah Perusahaan. Ini telah diperuntukkan di bawah seksyen 29(fa) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Permohonan untuk menghidupkan semula kes boleh dibuat melalui surat permohonan yang menyatakan alasan-alasan permohonan serta sebab-sebab kelewatan permohonan untuk menghidupkan semula kes. Permohonan tersebut hendaklah dibuat mengikut Nota Amalan No. 1 tahun 2010 seperti berikut :

**MAHKAMAH PERUSAHAAN
NOTA AMALAN NO: 1 TAHUN 2010
PERMOHONAN UNTUK MENGHIDUPKAN SEMULA KES**

Dengan kuasa yang dibenarkan di bawah Seksyen 28 Akta Perhubungan Perusahaan 1967, dengan ini saya mengeluarkan arahan-arahan yang berikut :

- 1) Permohonan untuk menghidupkan semula kes yang telah dibatalkan menurut Seksyen 29 (fa) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 boleh dibuat melalui surat (selepas ini dirujuk sebagai “surat berkenaan”) ;
- 2) Pemohon/Pihak Pertama perlu menyatakan dalam surat berkenaan :
 - (a) alasan-alasan permohonannya dibuat di dalam surat berkenaan; dan
 - (b) sebab-sebab bagi sebarang kelewatan dalam membuat permohonan itu.
- 3) Pihak Responden/Pihak Menentang boleh melalui surat menyatakan bantahan terhadap permohonan Pemohon/Pihak Pertama.

Bertarikh : 11 Februari 2010

t. t.

**SUSILA SITHAMPARAM
YANG DIPERTUA
MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA**

Penggunaan Pernyataan Saksi Di Dalam Perbicaraan

23. Semasa perbicaraan di Mahkamah Perusahaan, pihak-pihak juga boleh menggunakan pernyataan saksi untuk tujuan pemeriksaan utama. Adalah menjadi amalan saksi-saksi yang memberikan pernyataan saksi akan diminta untuk mengesahkan bahawa mereka ingin menggunakan pernyataan saksi tersebut di dalam perbicaraan kes. Garis panduan berkenaan penggunaan pernyataan saksi ini dapat dilihat melalui nota amalan no. 1 tahun 2003 seperti berikut :

INDUSTRIAL COURT

PRACTICE NOTE NO. 1 OF 2003

GUIDELINES ON WITNESS STATEMENT

The purpose of this Practice Note is to bring about certainty and uniformity in the use of a Witness Statement in Court.

In the absence of any specific provision in the Industrial Relations Act 1967 and, the Industrial court Rules 1961 , the use of a witness statement, for the time being until the Act or the Rules are amended, may be allowed under the general provisions of sections 28 and 29(g) of the Industrial. Relations Act 1967.

PURPOSE OF WITNESS STATEMENT

The purpose for the use of a Witness Statement is to expedite the hearing of a case.

WHEN TO USE WITNESS STATEMENT

Witness Statements may be used only on a voluntary basis i.e. where both parties agree, at the time of mention of the case, that they prefer to go by way of Witness Statements for evidence to be

given by the witness during Examination in chief.

WHEN NOT TO USE WITNESS STATEMENT

Witness Statements may not be used if -

- (a) any party disagrees to the use of witness statements;
- (b) any party is not represented by a legal practitioner or his Union representative and has difficulty in preparing Witness Statement;
- (c) any witness is a subpoenaed witness and there is difficulty in contacting the witness before the hearing order to prepare the Witness Statement;
- (d) any witness is hostile;
- (e) the evidence to be adduced, when given orally in Court, would be better understood by all parties;
- (f) there is reference to too many documents or exhibits which are controversial or contain too much detail (which need to be explained in Court for clarity) or which may be objected to by the other party; and
- (g) the Witness Statement, by its length, complexity, incomprehensibility or incompleteness would not serve the purpose of expediting the hearing but instead would complicate and prolong proceedings.

FILING OF WITNESS STATEMENT

Where both parties agree to proceed by way of Witness Statements, they are required to file the Witness Statements in Court and exchange the Witness Statements between them at least two weeks before the hearing date. This will give sufficient time to all parties, including the Court, to read the Witness Statements before the commencement of hearing.

Where only one party agrees to proceed by way of Witness Statements, it may be permitted by the Court provided that he files the witness Statements in Court and serves them on the other party at least two weeks before the hearing date.

FORMAT

Ideally, a Witness Statement should be drafted in the Question and Answer format (i.e. Q & A format).

A Witness Statement must be signed and dated by the witness, prior to or during the hearing, confirming that the contents are true and correct and if he does not understand the Malay or the English Language that the contents have been explained to him in the language that he understands.

LANGUAGE

A Witness Statement may be in either the Malay or the English language.

PROCEDURE DURING HEARING

The law and procedure applicable to the giving of oral evidence in Court shall apply in the same manner as when Witness Statements are to be used.

After the witness has taken the oath in Court, he may be allowed to tender his Witness Statement as evidence in his Examination in chief .

The President or chairman may allow or direct the witness to go through and read out each question and answer. However, if all parties, including the witness, have already read the Witness Statement before the hearing and are conversant with its contents, then the Witness Statement must be adopted as evidence without the need to go through each and every question and answer.

The Witness Statement shall become evidence after a statement is made under oath by the witness in Court that the Witness Statement is his statement and that he wishes to adduce it as part or all of his evidence in his Examination in chief.

After the admission of the Witness Statement as evidence, the witness may, with the permission of the Court, adduce further oral evidence for his Examination in chief.

Cross-examination and Re-examination will then follow after that, in the usual manner.

It is to be noted that a Witness Statement is not to be treated as an exhibit but as evidence given in Examination-in-chief. However, for purposes of easy identification and reference, the Witness Statement may be marked in Court (e.g. COW1-WS, COW2-WS or CLWI-WS, CLW2-WS, etc.).

COMMENCEMENT

This Practice Note comes into effect on 1st April 2003.

signed
(YUSSOF BIN AHMAD)
President
Industrial Court, Malaysia
Kuala Lumpur
Date: 24th February 2003

Penandaan Eksibit

24. Semasa perbicaraan, terdapat eksibit-eksibit yang perlu dikemukakan terutamanya yang melibatkan dokumen-dokumen. Adalah menjadi amalan di Mahkamah Sivil untuk semua dokumen yang dikemukakan oleh pembuat dokumen tersebut atau melalui tatacara yang telah ditetapkan di bawah Akta Keterangan 1950 jika pembuat dokumen tersebut tidak dapat dikemukakan sebagai saksi. Sebaliknya di Mahkamah Perusahaan, dokumen-dokumen akan dikemukakan secara sekaligus di dalam ikatan dokumen yang telah difailkan oleh pihak-pihak. Pada amalannya, dokumen yang dikemukakan oleh pihak syarikat akan ditandakan sebagai COB sementara dokumen yang dikemukakan oleh pihak menuntut akan

ditandakan sebagai CLB. Oleh itu, adalah tidak diperlukan untuk setiap dokumen yang ditandakan COB dan CLB dikemukakan oleh pembuat dokumen tersebut melainkan terdapat keadaan yang memerlukan ia dilakukan sedemikian. Ini dilakukan bagi membolehkan perbicaraan di Mahkamah Perusahaan dapat dijalankan tanpa terikat dengan aspek-aspek teknikal pengemukaan dokumen yang mematuhi secara ketat prinsip penerimaan eksibit di bawah undang-undang keterangan. Namun ia tidak bermakna mahkamah boleh sewenang-wenangnya menerima semua dokumen yang dikemukakan oleh pihak-pihak. Sekiranya terdapat bantahan daripada pihak-pihak berkenaan pengemukaan dokumen itu, mahkamah akan menimbang sama ada ia boleh diterima masuk sebagai eksibit atau sebaliknya. Oleh itu adalah diharapkan apabila perbicaraan di Mahkamah Perusahaan dijalankan ia tidak akan dilewatkan dengan pertikaian berkenaan dengan eksibit-eksibit oleh pihak-pihak.

Penangguhan Kes Semasa Perbicaraan

25. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa semasa perbicaraan, pihak-pihak mungkin terpaksa memohon penangguhan, sekiranya terdapat bantahan daripada pihak-pihak maka mahkamah akan mempertimbangkan permohonan penangguhan tersebut berdasarkan prinsip-prinsip penangguhan yang telah diputuskan oleh mahkamah yang lebih tinggi semasa mempertimbangkan penangguhan. Namun begitu dalam konteks Mahkamah Perusahaan, garis panduan berkenaan penangguhan telah dinyatakan melalui Nota Amalan No. 1 tahun 1994 seperti

berikut :

INDUSTRIAL COURT OF MALAYSIA

PRACTICE NOTE NO. 1 OF 1994

Postponement of Cases

1. This direction shall apply to all applications for postponements of dates fixed for hearing of cases in the Industrial Court. It shall come into effect on 2.2.94.
2. This direction is issued to serve as guidelines in granting postponements of dates fixed for the hearing of Industrial Court cases with a view to reducing to an absolute minimum the postponements of cases and to reduce the backlog of cases which have built up over the last few years.
3. Pursuant to Rule 8 of the Industrial Court Rules 1987 all parties are served with a notice of the place, date and time for the mention of a case with a view to fixing the date of hearing of the said case.
4. The date for hearing of a case is fixed by the Court with the view to the expeditious disposal of the case.
5. Parties and their counsel and/or representatives are reminded that Rule 8 of the Industrial Court Rules 1967 expressly provides that no application for any alteration of the dates will be entertained except under very exceptional circumstances.
6. Counsel representing parties are also reminded that Rule 24 the Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules 1978 clearly prescribes that advocates and solicitors shall make every effort to be ready for trial on the dates fixed for hearings of cases.
7. In view of paragraphs 4, 5 and 6 above, it shall ordinarily be a very exceptional circumstance for postponement that counsel will be engaged in another court on the date fixed for hearing a case before the Court.
8. It shall not be an exceptional circumstance that counsel is on vacation leave or is attending a conference or to other social obligations.
9. It shall also not be a very exceptional circumstance that counsel is not prepared to carry on with the hearing on the

grounds that he had just be retained for the case, that he had just been assigned to handle the case or that he is not personally handling the case.

10. That counsel is suddenly taken ill at the date of the hearing or immediately prior to it shall be considered an exceptional circumstance provided however, that a valid medical certificate to that effect and stating that counsel is unfit for carrying out his duties is forwarded to the Court and that every attempt has been made to inform the Court and the opposite party upon the illness which necessitates the application for an adjournment is made forthwith.
11. Parties and their solicitors and/or representatives are reminded to comply strictly with the time specified for delivery of the Statement of Case, Statement in Reply and Rejoinder, if any. Adjournments on the ground of late delivery of such documents will not be entertained. In this regard, any such of the documents aforesaid which is not filled within the time specified will not have been validly delivered and will not be considered by the Court.
12. Presiding officers of the Court shall observe and comply with the same guidelines set out hereinbefore and in particular shall be careful to take into account their vacation leave when fixing cases so as to avoid any unnecessary adjournments on that account.
13. Except in the case of an adjournment arising out of illness, any application for an adjournment on the ground of exceptional circumstances shall be made not later than 3 weeks prior to the date fixed for the hearing of the case.
Parties and their counsel an/or representatives are reminded that any postponement which has to be allowed will cause unnecessary cost, expense and time to all parties involved in the due administration of justice :-
 - (a) In particular, in case of alleged wrongful dismissal, this may lead to high quantum of awards if backpay and reinstatement. The Court has the discretion to take such delays as are occasioned by either of the parties to be taken into account in either the diminution or enhancement of such awards depending on who is the party responsible for causing the delay.
 - (b) Parties are also reminded that in other industrial disputes, a

long-standing unresolved dispute is not in the best interest on industrial peace and harmony.

TAM KAW WENG
President
Industrial Court
Kuala Lumpur

1.1.94

Panggilan Saksi

26. Semasa perbicaraan berkemungkinan pihak-pihak memerlukan saksi dipanggil di mahkamah. Adalah menjadi amalan di Mahkamah Perusahaan bahawa pihak yang ingin memanggil saksi atau pihak untuk mengemukakan dokumen semasa perbicaraan, untuk mengemukakan permohonannya di mahkamah. Pada amalannya ia dilakukan dengan menulis surat untuk memohon mahkamah mengeluarkan Borang O. Borang O tersebut akan diserahkan kepada pihak yang memohon ianya dikeluarkan kepada saksi yang ingin dipanggil semasa perbicaraan.

Kos

27. Jika di Mahkamah Sivil, pihak-pihak boleh mengemukakan permohonan untuk taksiran kos atau meminta supaya kos diberikan kepada pihak-pihak. Di Mahkamah Perusahaan, peruntukan berkenaan dengan kos terdapat di dalam Peruntukan 5, Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan, 1980 yang memberikan kuasa kepada mahkamah untuk memberikan kos atau perbelanjaan kepada saksi-saksi yang hadir semasa perbicaraan. Kadar kos, faktor-faktor yang

perlu diambil kira semasa kos diberikan tidak dinyatakan dengan jelas di dalam peraturan-peraturan tersebut seperti yang dinyatakan di dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi, 1980 dan Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah, 1980.

Penilaian Awal Kes

28. Mahkamah Perusahaan Malaysia setelah meneliti kedudukan kes yang masih dibicarakan di Mahkamah Perusahaan pada tahun 2010 telah mencadangkan suatu bentuk penyelesaian kes secara lebih cepat dan berkesan. Cadangan tersebut adalah dikenali sebagai Penilaian Awal Kes. Ia dilakukan di bawah seksyen 29(g) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Ia bertujuan bagi membolehkan kes tersebut diselesaikan dengan lebih cepat serta menggalakkan penyelesaian kes secara persetujuan bersama. Garis panduan berkenaan penilaian awal ini telah dinyatakan di dalam Nota Amalan No. 3 tahun 2010 seperti berikut :

MAHKAMAH PERUSAHAAN

NOTA AMALAN NO: 3 TAHUN 2010

GARIS PANDUAN PENILAIAN AWAL KES-KES

Penyelesaian kes adalah digalakkan menurut seksyen 29(g) Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

1. Tujuan Bagi Penilaian Awal Kes Tujuan Penilaian Awal Kes adalah untuk mempercepatkan penyelesaian kes dengan menggalakkan pihak-pihak untuk berbuat demikian.
2. Jenis Kes Penilaian Awal Kes akan dilaksanakan bagi kes-kes yang dirujuk menurut seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 ke Mahkamah Perusahaan.
3. Proses Penilaian Awal Kes
 - a) Penilaian Awal Kes akan dikendalikan sekiranya kedua-dua pihak bersetuju;
 - b) Pihak-pihak boleh memilih seorang Pengerusi Penyelesaian atau Penolong Pendaftar yang dibenarkan oleh Yang DiPertua bagi menilai merit kes berdasarkan kepada pliding dan dokumen-dokumen yang telah difailkan di Mahkamah Perusahaan;
 - c) Penilaian Awal Kes akan seberapa boleh dikendalikan dengan

kehadiran kedua-dua pihak beserta peguam ataupun wakil mereka;

- d) Pengerusi Penyelesaian atau Penolong Pendaftar yang dibenarkan, dibolehkan dengan persetujuan pihak yang lain membincangkan merit kes tersebut dengan satu pihak bersama-sama dengan kehadiran peguam atau wakil mereka
- e) Penilaian Awal Kes akan dikendalikan pada satu hari dan seboleh mungkin dalam masa 1 jam;
- f) Apa jua yang diperbincangkan tidak akan direkodkan di dalam fail makamah semasa Penilaian Awal Kes;
- g) Hanya tarikh, nama Pengerusi Penyelesaian atau Penolong Pendaftar yang dibenarkan, pihak-pihak, peguam atau wakil mereka dan keputusan Penilaian Awal Kes tersebut akan direkodkan dalam fail mahkamah;
- h) Jika pihak-pihak bersetuju untuk menyelesaikan kes, pihak-pihak boleh memilih samada untuk menarik balik kes atau merekod award sama setuju yang akan diperturunkan oleh Pengerusi Penyelesaian;
- i) Jika pihak-pihak tidak dapat mencapai penyelesaian, kes tersebut akan didengar oleh Pengerusi yang lain; dan
- j) Jika Penilaian Awal Kes dikendalikan oleh Penolong Pendaftar yang dibenarkan dan sekiranya penyelesaian dicapai, keputusan menarikbalik kes atau award sama setuju akan

diperturunkan oleh Pengerusi yang telah diagihkan untuk mendengar kes tersebut.

Bertarikh : 11hb Oktober 2010

SUSILA SITHAMPARAM

YANG DIPERTUA

MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA

Penguatkuasaan Award Dan Perjanjian Kolektif

29. Seksyen 56 Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 telah memberikan kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan agar pihak-pihak mematuhi award dan perjanjian kolektif yang telah dikeluarkan dan didaftarkan di Mahkamah Perusahaan. Prosedur untuk tindakan ketidakpatuhan ini dapat dilihat di dalam kaedah 24(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah Perusahaan, 1967 di mana pihak menuntut perlu memfailkan Borang S seperti berikut :

Form S
(Rule 24A(1))
IN THE INDUSTRIAL COURT

Section 56 (1) of the Act
COMPLAINT OF NON-COMPLIANCE

In the matter of Industrial Court Case No: of 19

Between

.....

and

.....

In the matter of * Award No. in Case No:

* Collective Agreement Cognizance No:

Between

.....

and

.....

A complaint is hereby lodged by

that the following provisions of the above - mentioned Award/Collective

Agreement have not been complied with:

**

.....

(Signature of Applicant)

Address:

.....

.....

* Delete word not applicable.

** State appropriate paragraphs of Award/Collective Agreement.

Adalah perlu diberi perhatian bahawa permohonan untuk ketidakpatuhan award dan perjanjian kolektif hanya boleh didaftarkan di Mahkamah Perusahaan Kuala Lumpur. Yang DiPertua akan menentukan mahkamah yang akan mendengar kes tersebut dan ia tidak boleh difailkan di mahkamah perusahaan cawangan.

Penghujahan Dan Penurunan Award

30. Setelah pihak menuntut dan pihak syarikat mengemukakan keterangan mereka dan menutup kes masing-masing, mahkamah akan menetapkan tarikh untuk hujahan. Pihak-pihak boleh mengemukakan hujahan lisan atau bertulis. Setelah mempertimbangkan hujahan kedua-dua pihak, mahkamah akan

menurunkan award. Jika diteliti kepada Seksyen 30(8) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 dinyatakan bahawa award tersebut hendaklah ditandatangani oleh pengerusi yang mendengar kes tersebut. Jika dilihat kepada peruntukan Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 tiada petanda yang jelas bahawa semua award mesti diturunkan secara bertulis atau diberikan alasan-alasannya. Namun demikian, kedudukan Mahkamah Perusahaan sebagai tribunal yang keputusannya boleh disemak oleh Mahkamah Tinggi, adalah menjadi amalan Mahkamah Perusahaan untuk mengeluarkan award penuh terutamanya bagi kes-kes yang melibatkan perbicaraan bagi membolehkan Mahkamah Tinggi dan pihak-pihak dalam kes tersebut mengetahui apakah fakta-fakta yang diambil kira oleh mahkamah semasa menurunkan sesuatu award tersebut.

Semakan Kehakiman

Sekiranya pihak-pihak tidak berpuas hati dengan award Mahkamah Perusahaan, semakan kehakiman di bawah Aturan 53, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 boleh dikemukakan di Mahkamah Tinggi. Semakan kehakiman tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh 40 hari dari tarikh award itu dimaklumkan kepada pihak-pihak. Ini dinyatakan di bawah Aturan 53, Kaedah 6, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Selain itu, pihak-pihak yang mempunyai persoalan undang-undang yang memerlukan jawapan daripada Mahkamah Tinggi ekoran daripada award yang

diturunkan oleh Mahkamah Perusahaan, pihak yang berkenaan boleh mengemukakan permohonan untuk merujuk persoalan undang-undang tersebut ke Mahkamah Tinggi seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 33A, Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Permohonan ini hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh award diturunkan di Mahkamah Perusahaan.

Kesimpulan

31. Adalah jelas bahawa prosedur di Mahkamah Perusahaan sepatutnya adalah sesuatu yang mudah dan tidak rumit seperti yang diamalkan oleh Mahkamah Sivil. Segala borang-borang yang berkaitan telah disediakan di dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Perusahaan, 1967. Bidang kuasa mahkamah juga telah dinyatakan dengan jelas di dalam Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 di mana mahkamah harus bertindak di dalam ruang lingkup peruntukan akta tersebut. Oleh itu, kefahaman yang jelas oleh pengamal undang-undang semasa berguam di Mahkamah Perusahaan amat penting bagi membantu perjalanan Mahkamah Perusahaan tanpa terpaksa berhadapan dengan bantahan-bantahan teknikal sehingga melambatkan proses penyelesaian kes di Mahkamah Perusahaan. Jika ini berlaku ia sudah pasti tidak menepati kehendak Seksyen 30(3) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 yang menyatakan seperti berikut :

(3) The Court shall make its award without delay and where practicable

within thirty from the date of reference to it of the trade dispute or of a reference to it under section 20(3).

32. Sesungguhnya, kerjasama para pengamal undang-undang dan kesungguhan Mahkamah Perusahaan dalam menyelesaikan kes-kes di mahkamah dalam tempoh yang cepat adalah amat penting bagi memastikan sistem perundangan perhubungan perusahaan di negara ini dapat dijalankan dengan efisien dan profesional. Jika ini dapat dilakukan ia akan menyumbang ke arah pertumbuhan dan peningkatan kegiatan pelaburan daripada negara luar kerana mereka pastinya yakin sistem perundangan perhubungan perusahaan tidak akan menjadi bebanan kepada mereka. Pada masa yang sama, ia juga akan memberi harapan kepada para pekerja di negara ini bahawa kes-kes berkaitan dengan perhubungan perusahaan akan dapat diselesaikan dalam tempoh yang cepat dan ianya tidak akan menjadi beban kepada pekerja tersebut. Ia secara tidak langsung akan meningkatkan produktiviti dan kesejahteraan para pekerja tersebut. Malahan, ia akan mewujudkan suatu hubungan yang harmonis di antara pekerja dan majikan kerana kedua-dua pihak mengetahui sekiranya terdapat sebarang pertikaian perusahaan, ia akan dapat diselesaikan oleh satu badan yang profesional, efisien dan berintegriti iaitu Mahkamah Perusahaan Malaysia.